

Hasan Ali Dakwa Banyak Projek Ubah Suai Pejabat Dilakukan Kerajaan Negeri Selangor
Bernama
26 Mac, 2012

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Datuk Dr Hasan Mohamad Ali pada Isnin mendakwa banyak projek pengubahsuaian dilakukan oleh anak-anak syarikat dan jabatan kerajaan negeri Selangor sejak Parti Keadilan Rakyat (PKR) menerajui negeri itu pada 2008.

Berikutan itu, bekas anggota Exco Hal Ehwal Islam, Adat-adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Selangor itu meminta Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim membuat siasatan menyeluruh untuk mengetahui kos dibelanjakan bagi membiayai kesemua projek berkenaan.

Hasan yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Gombak Setia berkata langkah itu juga selaras dengan ketelusan yang sering dilaungkan oleh Abdul Khalid.

"Kalau nak ketulusan, buat kajian menyeluruh untuk kita paparkan kepada masyarakat, betulkah kita telus, berintegriti dan amanah?," katanya pada sidang media di kediamannya di Taman Tun Dr Ismail, Damansara di sini.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654928>